



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI**  
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

## **KENYATAAN MEDIA MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

### **PAKEJ PRIHATIN PKS**

**KUALA LUMPUR, 6 APRIL 2020**– Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menyambut baik inisiatif yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang memberi fokus kepada usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS), *startups* dan sektor informal.

Sejumlah RM200 juta telah disediakan oleh Kerajaan bagi pembiayaan Skim Kredit Mikro untuk membantu aliran tunai perniagaan usahawan dengan pemansuhan kadar faedah 2% kepada 0%. Had maksimum pinjaman adalah sebanyak RM10,000 bagi setiap usahawan mikro yang layak.

**MEDAC amat komited bagi memastikan inisiatif yang diumumkan ini dapat dinikmati SEGERA oleh usahawan yang disasarkan.** Bagi tujuan ini, MEDAC melalui TEKUN Nasional telah mengenalpasti mekanisme pelaksanaan yang akan dilaksanakan bagi memastikan kelancaran pemberian insentif ini seperti berikut:

1. Pemohon hanya perlu mengemukakan 1 bulan penyata kewangan;
2. Pemohon dalam senarai hitam Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Pendidikan (PTPTN) boleh dipertimbangkan;
3. Usahawan yang belum berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) layak memohon. Namun perlu berdaftar dengan SSM sebelum pinjaman disalurkan; dan

4. Sebarang maklumat lanjut sila berhubung dengan hotline TEKUN: 03-9059 8888 atau layari laman sesawang [www.tekun.gov.my](http://www.tekun.gov.my).

Dengan pengumuman ini diharapkan usahawan dapat meneruskan kelangsungan operasi perniagaan mereka dalam tempoh yang sukar ini.

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR**  
**MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**6 APRIL 2020**